

Lampiran 2

CapitaStar

Dasar & Terma-terma

Program Ganjaran CapitaStar

Dasar & Terma-terma

1. KELAYAKAN DAN KEAHLIAN

1. Tertakluk kepada budi bicara mutlak kami, orang yang berkelayakan boleh menyertai Program Ganjaran CapitaStar dengan mendaftar di kaunter-kaunter khidmat pelanggan yang terletak di Pusat-pusat Membeli-belah yang Mengambil Bahagian seperti yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak kami, Laman Web Program, melalui Program Aplikasi Mudah Alih, atau dengan apa-apa cara lain yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami.
2. Semua peserta mestilah berumur sekurang-kurangnya enam belas (16) tahun pada tarikh mereka mendaftar untuk menyertai Program Ganjaran CapitaStar.
3. Dengan menyertai Program Ganjaran CapitaStar, anda dianggap telah membaca, memahami, dan menerima Terma-terma dan Syarat-syarat disini. Terma-terma dan Syarat-syarat ini juga akan digunakan berhubung dengan mana-mana Data Peribadi yang dibekalkan oleh anda kepada kami berkaitan dengan Program Ganjaran CapitaStar. Sekiranya anda mendaftar untuk, mendaftarkan kad-kad anda, atau menggunakan perkhidmatan StarPay (hanya terdapat di Singapura) berhubung dengan Program Ganjaran CapitaStar, maka anda bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat yang kami boleh menetapkan dari semasa ke semasa berhubung dengan perkhidmatan StarPay (hanya terdapat di Singapura), termasuk Syarat-syarat Perkhidmatan StarPay.
4. Sebagai syarat penyertaan anda ke Program Ganjaran CapitaStar, anda dikehendaki memberikan kami maklumat yang terkini, tepat, jujur dan lengkap mengenai diri anda semasa proses pendaftaran dan untuk memastikan rekod anda dengan kami semasa dan terkini. Anda bersetuju bahawa anda mesti bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala akibat daripada pembekalan sebarang maklumat yang tidak tepat, tidak lengkap dan/atau tidak mencukupi. Sekiranya kami menentukan atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa maklumat yang telah anda berikan kepada kami adalah tidak terkini, tidak tepat, atau tidak lengkap dalam apa-apa cara atau anda telah memberikan kami maklumat pendaftaran yang palsu atau mengelirukan, kami berhak sama ada menggantung atau menamatkan Keahlian anda.

5. Kami boleh meminda Terma-terma dan Syarat-syarat ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami dengan memaparkan versi yang dipinda di Laman Web Program. Dengan penyertaan anda yang berterusan dalam Program Ganjaran CapitaStar, anda bersetuju untuk terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini seperti yang dipinda dari semasa ke semasa.

2. STAR\$[®] AKRUAL

1. STAR\$[®] boleh diperolehi oleh anda mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat ini apabila anda membuat suatu pembelian barangan dan/atau perkhidmatan yang layak daripada Peruncit-peruncit yang Layak di Pusat-pusat Membeli-belah yang Mengambil Bahagian dan/atau platform-platform CapitaLand yang mengambil bahagian.
2. Untuk berhak memperolehi STAR\$[®] dalam suatu pembelian yang layak, anda mesti menyerahkan Resit anda kepada kami selewat-lewatnya satu (1) hari selepas pembelian anda melalui salah satu saluran seperti berikut: (a) mengimbas Resit anda di kios-kios layan diri atau kaunter-kaunter khidmat pelanggan yang terletak di Pusat-pusat Membeli-belah yang Mengambil Bahagian; (b) memuat naik sesalinan digital Resit anda melalui Program Aplikasi Mudah Alih; atau (c) dengan apa-apa cara lain yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami.

Bagi Transaksi-transaksi yang dibuat di platform-platform CapitaLand yang mengambil bahagian, pengkreditan STAR\$[®] akan dijalankan mengikut Klausula 2.4 di bawah. Sekiranya anda telah mengakses platform sedemikian melalui suatu pelayar (seperti Safari, Chrome, Firefox), anda dikehendaki log masuk ke Akaun anda sebelum membuat Transaksi-transaksi supaya STAR\$[®] boleh dikreditkan ke dalam Akaun anda.

3. Kriteria untuk pembelian yang layak dan kadar memperolehi STAR\$[®] dalam pembelian yang layak akan ditetapkan oleh kami mengikut budi bicara mutlak kami dan mungkin berbeza di antara Pusat-pusat Membeli-belah yang Mengambil Bahagian dan/atau Platform-platform CapitaLand yang mengambil bahagian dan di antara Peruncit-peruncit yang Layak di Pusat-pusat Membeli-belah yang Mengambil Bahagian dan/atau Platform-platform CapitaLand yang mengambil bahagian.
4. STAR\$[®] tidak akan dikreditkan ke dalam Akaun anda sehingga Resit anda adalah ditentukan sah oleh kami, atau dalam kes Transaksi-transaksi yang dibuat di Platform-platform CapitaLand yang mengambil bahagian, sehingga tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan invois pesanan yang dihantar ke alamat emel anda yang telah anda berikan kepada kami. Kami boleh menolak mana-mana Resit sebagai tidak sah mengikut budi bicara mutlak kami, dan sebarang keputusan kami akan dianggap muktamad, konklusif dan mengikat anda.

Tiada STAR\$[®] akan dikreditkan berkenaan dengan suatu Transaksi dimana anda telah diminta untuk memulangkan produk atau membayar balik harga produk yang disenaraikan.

5. Kami boleh membatalkan dan/atau memadam dan/atau mengurangkan STAR\$[®] yang telah dikreditkan ke dalam Akaun anda mengikut budi bicara mutlak kami.
6. Kami boleh menangguhkan pengkreditan STAR\$[®] ke dalam Akaun anda sehingga kami telah mengesahkan mengikut kepuasan kami bahawa STAR\$[®] tidak dikreditkan ke dalam Akaun anda dengan melanggar mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
7. STAR\$[®] yang ditambah ke dalam Akaun anda kekal sebagai harta benda kami. STAR\$[®] tidak memberi hak atau kepentingan kepada seorang ahli dan tidak mempunyai nilai tunai. STAR\$[®] tidak boleh ditebus dengan wang tunai dan tidak boleh dipindah milik atau diserahkan hak untuk sebarang sebab atau tujuan. STAR\$[®] juga tidak boleh dipindah milik di antara Akaun-akaun. Jualan, lelongan (termasuk lelongan dalam talian), barter, pemindahan atau penyerahan hak sebarang STAR\$[®] yang dikumpulkan adalah dilarang dengan tegas, dan sebarang STAR\$[®] yang kami anggap, menurut budi bicara mutlak kami, telah dipindahkan, dijual, dilelong, ditukar atau diserahkan hak dalam pelanggaran Terma-terma dan Syarat-syarat ini boleh dirampas dan/atau dibatalkan.
8. STAR\$[®] dalam Akaun anda akan menjadi tidak sah setelah pembatalan atau penamatan Keahlian anda, walau macam mana pun disebabkan. Untuk mengelakkan keraguan, anda tidak akan berhak mendapat apa-apa pampasan berkenaan dengan sebarang STAR\$[®] yang tidak sah.
9. Anda boleh menyemak jumlah STAR\$[®] yang anda dapat di kios-kios layan diri atau kaunter-kaunter khidmat pelanggan yang terletak di Pusat-pusat Membeli-belah yang Mengambil Bahagian, di Laman Web Program, melalui Program Aplikasi Mudah Alih, atau melalui cara lain yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami.

3. TEMPOH KESAHAN STAR\$[®]

1. Bagi Singapura, STAR\$[®] yang dikreditkan ke dalam Akaun anda pada suku tahun tertentu dalam satu tahun kalendar akan tamat dalam tempoh satu tahun kalendar dari hari terakhir suku tersebut (berkuatkuasa dari 1 Oktober 2018).

Sila rujuk jadual di bawah untuk ilustrasi yang selanjutnya:

Tempoh STAR\$[®] yang diperolehi	Tempoh tamat STAR\$[®]
--	--

1 Januari 2018 – 30 September 2018	30 Jun 2019
1 Oktober 2018 – 31 Disember 2018	31 Disember 2019
1 Januari 2019 – 31 Mac 2019	31 Mac 2020
1 April 2019 – 30 Jun 2019	30 Jun 2020
1 Julai 2019 – 30 September 2019	30 September 2020
1 Oktober 2019 - 31 Disember 2019	31 Disember 2020

2. Bagi Malaysia, STAR\$[®] yang dikreditkan ke dalam Akaun anda dalam satu tahun kalendar akan tamat pada 31 Disember tahun kalendar itu. Apabila tamat tempoh, anda akan diberi suatu tempoh tambahan enam (6) bulan sebagai tempoh tangguh untuk menebus STAR\$[®] anda.

Sila rujuk jadual di bawah untuk ilustrasi yang selanjutnya:

Tempoh STAR\$[®] yang diperolehi	Tempoh tamat STAR\$[®]
1 Januari 2018 – 31 Disember 2018	30 Jun 2019
1 Januari 2019 – 31 Disember 2019	30 Jun 2020

3. Kami mungkin dari semasa ke semasa, meminda tempoh sah STAR\$[®].

4. BUDI BICARA

Walau bagaimanapun dan tanpa prejudis terhadap terma-terma lain dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, kami berhak pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak kami tanpa liabiliti kepada anda, tanpa notis dan tanpa memberikan apa-apa sebab, untuk:

- a) menggantung atau menamatkan Keahlian anda sepenuhnya sama ada anda telah gagal mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau tidak; dan/atau
- b) mengenakan sekatan-sekatan ke atas kaedah-kaedah bayaran yang diterima untuk pembelian atau penebusan baucar-baucar atau faedah-faedah di bawah Program Ganjaran CapitaStar; dan/atau

- c) tidak membenarkan anda untuk menyertai Program Ganjaran CapitaStar; dan/atau
- d) memperkenalkan, meminda, menyekat, menggantung atau menamatkan kesemua atau mana-mana manfaat, perkhidmatan, kemudahan dan hak istimewa tentang atau berkaitan dengan Keahlian anda.

5. PENEBUSAN

1. Penebusan hanya boleh dibuat setelah pengesahan identiti anda mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
2. Penebusan boleh dibuat oleh anda secara peribadi dengan menghadiri dan mengemukakan nombor telefon Singapura/Malaysia anda atau kod QR yang terdapat di Aplikasi CapitaStar di kaunter-kaunter khidmat pelanggan di Pusat-pusat Membeli-belah yang Mengambil Bahagian, atau melalui apa-apa cara lain yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami.
3. Senarai Ganjaran, Hadiah dan jumlah STAR\$[®] yang diperlukan untuk Penebusan Ganjaran dan/atau Hadiah masing-masing akan ditentukan oleh kami. Untuk mengelakkan keraguan, kami boleh dari semasa ke semasa meminda jumlah STAR\$[®] yang diperlukan untuk Penebusan Ganjaran dan/atau Hadiah tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada anda.
4. Ganjaran dan/atau Hadiah yang ditawarkan tertakluk kepada ketersediaan mereka.
5. Setakat tahap maksimum yang dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai, kami tidak membuat sebarang jaminan atau representasi mengenai apa-apa produk atau perkhidmatan yang ditawarkan sebagai Ganjaran dan/atau Hadiah dan tidak menerima apa-apa liabiliti berkenaan dengan mana-mana Ganjaran dan/atau Hadiah tersebut.
6. Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan barangan-barangan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang diterima sebagai Ganjaran dan/atau Hadiah hendaklah diselesaikan di antara anda dan pembekal Ganjaran dan/atau Hadiah. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Ganjaran dan/atau Hadiah dan/atau proses Penebusan.
7. Selepas Penebusan, Ganjaran dan/atau Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan/atau STAR\$[®] dan/atau mana-mana Ganjaran, Hadiah atau barangan lain. Bayaran balik untuk dan/atau penggantian Ganjaran dan/atau Hadiah tidak akan dilayan.

6. KESAHAN DAN BAYARAN-BAYARAN KEAHLIAN

1. Kami boleh mengenakan suatu yuran tahunan untuk Keahlian dalam Program Ganjaran CapitaStar, pada kadar sedemikian dan dibayar mengikut apa-apa cara yang kami tentukan, mengikut budi bicara mutlak kami.
2. Sekiranya anda tidak menyerahkan sekurang-kurangnya enam (6) Resit yang sah bagi tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut, Keahlian anda boleh ditamatkan oleh kami.

7. PERUBAHAN BUTIR-BUTIR PERIBADI

Anda mesti mengemaskini dengan segera sebarang perubahan dalam butir-butir peribadi anda (termasuk tetapi tidak terhad kepada perubahan di alamat rumah dan pejabat dan nombor-nombor perhubungan anda) di Laman Web Program, Aplikasi Mudah Alih CapitaStar, di kaunter-kaunter khidmat pelanggan di Pusat-pusat Membeli-belah yang Mengambil Bahagian, atau melalui cara lain seperti ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami.

8. PENAMATAN PROGRAM GANJARAN CAPITASTAR

Kami boleh, atas budi bicara mutlak dan tunggal kami, tanpa memberi notis terlebih dahulu kepada anda, menggantung atau menamatkan Program Ganjaran CapitaStar atas apa jua sebab yang kami anggap sesuai.

9. DATA PERIBADI

1. Ia adalah suatu syarat yang berlanjutan dalam Keahlian anda serta akses anda kepada dan penggunaan Laman Web Program dan/atau Program Aplikasi Mudah Alih (termasuk perkhidmatan StarPay yang terdapat di Singapura dan yang disediakan di dalamnya) di mana anda bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan, penzahiran dan/atau pemprosesan maklumat anda, termasuk Data Peribadi anda, dilakukan oleh kami dan semua orang dan entiti lain yang terlibat dalam Program Ganjaran CapitaStar berhubung dengan dan/atau untuk tujuan-tujuan Program Ganjaran CapitaStar ("Tujuan-tujuan CapitaStar"). Contoh-contoh Data Peribadi anda yang boleh dikumpulkan, digunakan, dizahirkan dan/atau diproses sedemikian untuk Tujuan-tujuan CapitaStar adalah termasuk yang berikut:
 - a) nama anda, nombor telefon Singapura/Malaysia anda, butir-butir kad kredit, butir-butir transaksi, imej-imej Resit dan apa-apa maklumat lain yang berkaitan dengan anda yang telah anda berikan kepada kami atau mana-mana ejen, rakan kongsi perniagaan dan/atau pembekal perkhidmatan yang diberi kuasa dalam apa-apa bentuk yang mungkin anda telah mengemukakan kepada kami atau

mana-mana ejen, rakan kongsi perniagaan dan/atau pembekal perkhidmatan yang diberi kuasa, atau dalam bentuk-bentuk interaksi lain dengan anda;

- b) maklumat mengenai penggunaan dan interaksi anda dengan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Program Ganjaran CapitaStar, Laman Web Program, dan/atau Program Aplikasi Mudah Alih, termasuk maklumat komputer dan sambungan, keupayaan peranti, jalur lebar, statistik mengenai jumlah halaman dilayari, kuki, alamat IP, butir-butir Keahlian dan trafik ke dan dari Laman Web Program dan/atau Program Aplikasi Mudah Alih Program; dan
- c) gambar-gambar atau audio-video atau rakaman-rakaman lain anda yang diambil atau dibuat berkaitan dengan Program Promosi.

2. Khususnya tetapi tanpa mengehadkan keluasan Klausa 9.1, anda bersetuju dengan kami dan semua orang dan entiti lain yang terlibat dalam Program Ganjaran CapitaStar, mengumpulkan, menggunakan, menzahirkan dan/atau memproses Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut terhadap anda dan/atau untuk tujuan-tujuan Program Ganjaran CapitaStar:

- a) mengesahkan identiti anda untuk tujuan-tujuan memproses permohonan Keahlian anda dan menyelenggara dan servis Akaun dan Keahlian anda untuk Program Ganjaran CapitaStar;
- b) mentadbir dan mengurus Program Ganjaran CapitaStar, Akaun anda, dan transaksi-transaksi dan interaksi-interaksi anda dengan kami yang berkaitan dengan Program Ganjaran CapitaStar, dan memproses akrual dan Penebusan STAR\$[®] anda;
- c) membalas kepada pertanyaan-pertanyaan, permintaan-permintaan, maklum balas dan aduan-aduan anda;
- d) menghantar pemberitahuan serta mesej-mesej pemasaran dan promosi di bawah dan berhubung dengan Program Ganjaran CapitaStar (termasuk melalui panggilan suara, SMS, faks atau cara komunikasi lain yang menggunakan mana-mana nombor telefon anda di mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL yang mungkin terkandung dalam rekodnya dari semasa ke semasa), seperti maklumat, pengemaskinian, iklan, promosi (termasuk tetapi tanpa terhadap diskaun dan tawaran istimewa) dan komunikasi lain yang berkaitan dengan (i) produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan, tawaran-tawaran dan promosi-promosi yang ditawarkan oleh kami, mana-mana aset CL, mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL, rakan-rakan kongsi perniagaan kami, rakan-rakan pemasaran kami dan/atau pihak ketiga; dan (ii) program-program, acara-acara atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan di mana-mana aset CL atau oleh kami, mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL, rakan-rakan kongsi perniagaan kami, rakan-rakan pemasaran kami dan/atau pihak ketiga;
- e) menjalankan temu ramah, kaji selidik dan/atau penyelidikan berkaitan dengan pengguna atau pasaran supaya kami boleh memberi anda perkhidmatan-perkhidmatan dan penawaran produk-produk yang lebih baik di mana mungkin berkaitan dengan anda;
- f) menjalankan analisis profil dan statistik untuk memperbaiki perkhidmatan yang diberikan kepada anda;

- g) memaklumkan anda tentang perubahan dan pembangunan kepada Program Ganjaran CapitaStar dan/atau dasar-dasar Kumpulan CL, terma-terma dan syarat-syarat serta maklumat pentadbiran lain, termasuk untuk tujuan-tujuan servis kepada anda berhubung dengan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda;
- h) mentadbir dan menjalankan Program Promosi, termasuk mengumumkan keputusan Program Promosi, mengenal pasti dan menghubungi pemenang-pemenang Program Promosi, dan membuat publisiti dan menjalankan pemasaran berhubung dengan Program Promosi;
- i) di mana anda menyertai Program Promosi, mengumpulkan, menggunakan dan menzahirkan gambar-gambar atau audio-video atau rakaman-rakaman lain yang mengandungi anda yang diambil atau dibuat berhubung dengan Program Promosi di antara entiti-entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL dan kepada ejen-ejen, rakan-rakan pemasaran, rakan-rakan kongsi perniagaan dan/atau pembekal-pembekal perkhidmatan yang diberi kuasa dari entiti-entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL, untuk digunakan dalam sebarang publisiti dan/atau kempen pengiklanan yang berkaitan dengan Program Promosi di semua media, termasuk penerbitan bercetak, presentasi, bahan promosi atau laman web entiti-entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL, dalam format yang asal atau diubahsuai di mana sesiapa yang disebut terdahulu itu menganggap sesuai. Anda selanjutnya bersetuju dan mengakui bahawa hak cipta dan semua hak harta intelek lain di dalam dan bagi semua gambar atau audio-video atau rakaman lain yang mengandungi anda yang diambil atau dibuat berhubung dengan Program Promosi hendaklah diberikan semata-mata dan sepenuhnya kepada Kumpulan CL tanpa sebarang pampasan kepada anda;
- j) menguruskan infrastruktur dan operasi perniagaan Kumpulan CL berhubung dengan Program Ganjaran CapitaStar dan mematuhi dasar-dasar dan prosedur-prosedur dalaman;
- k) memudahkan transaksi aset perniagaan (yang boleh meliputi sebarang penggabungan, pemerolehan atau penjualan aset) yang melibatkan entiti Kumpulan CL yang menguruskan Program Ganjaran CapitaStar;
- l) memadankan sebarang Data Peribadi yang berkaitan dengan anda bagi mana-mana tujuan yang disenaraikan di sini;
- m) mencegah, mengesan dan menyiasat jenayah, termasuk penipuan dan pengubahan wang haram, dan menganalisis dan mengurus risiko-risiko komersial yang lain;
- n) melindungi dan menguatkuasa hak-hak dan kewajipan-kewajipan kontraktual dan undang-undang kami;
- o) mematuhi mana-mana aturan, undang-undang dan peraturan yang terpakai, tata amalan atau garis panduan atau untuk membantu dalam penguatkuasaan undang-undang dan penyiasatan oleh pihak berkuasa yang berkenaan; dan
- p) memproses Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang munasabah dan berkaitan dengan mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas, termasuk penzahiran kepada dan pemprosesan oleh mana-mana rakan pemasaran kami dan/atau pembekal perkhidmatan yang diberi kuasa.

Untuk mengelakkan keraguan, kesemua tujuan yang dinyatakan dalam Klausula 9.2 (a) hingga (p) adalah sebahagian daripada Tujuan-tujuan CapitaStar.

3. Sebagai tambahan kepada Klausula 9.1 dan 9.2, di mana anda telah memberi kami persetujuan secara spesifik, anda bersetuju dengan pengumpulan, penggunaan, penzahiran dan/atau pemprosesan Data Peribadi anda oleh kami, ejen-ejen kami, rakan-rakan pemasaran kami, rakan-rakan kongsi perniagaan kami, pembekal-pembekal perkhidmatan yang diberi kuasa dan/atau mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL untuk tujuan-tujuan berikut:
 - a) berkomunikasi dan membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan, produk-produk dan faedah-faedah kepada anda, termasuk promosi-promosi, tawaran-tawaran, iklan-iklan yang ditawarkan oleh mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL dan/atau mana-mana aset CL, dan sebarang promosi, program, acara atau aktiviti yang dijalankan di mana-mana aset CL atau berhubung dengan mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL;
 - b) memadankan Data Peribadi anda dengan data lain yang dikumpulkan untuk tujuan-tujuan lain dan dari sumber-sumber lain (termasuk pihak ketiga) berkaitan dengan penyediaan atau penawaran produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan, sama ada oleh kami, entiti lain yang terkandung dalam Kumpulan CL, atau mana-mana pihak ketiga;
 - c) mentadbir dan menjalankan Promosi untuk atau berkaitan dengan mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL dan/atau mana-mana aset CL, termasuk, mengumumkan Keputusan Promosi tersebut, mengenal pasti dan menghubungi pemenang-pemenang, dan membuat publisiti dan menjalankan pemasaran yang berhubung dengan Promosi ini;
 - d) di mana anda menyertai Promosi, mengumpulkan, menggunakan dan menzahirkan gambar-gambar atau audio-video atau rakaman-rakaman lain yang mengandungi anda yang diambil atau dibuat berhubung dengan Promosi di antara entiti-entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL dan kepada ejen-ejen, rakan-rakan pemasaran, rakan-rakan kongsi perniagaan dan/atau pembekal-pembekal perkhidmatan yang diberi kuasa dari entiti-entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL, untuk digunakan dalam sebarang publisiti dan/atau kempen pengiklanan yang berkaitan dengan Promosi di semua media, termasuk penerbitan bercetak, presentasi, bahan promosi atau laman web entiti-entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL, dalam format yang asal atau diubahsuai di mana sesiapa yang disebut terdahulu itu menganggap sesuai. Anda selanjutnya bersetuju dan mengakui bahawa hak cipta dan semua hak harta intelek lain di dalam dan bagi semua gambar atau audio-video atau rakaman lain yang mengandungi anda yang diambil atau dibuat berhubung dengan Promosi hendaklah diberikan semata-mata dan sepenuhnya kepada Kumpulan CL tanpa sebarang pampasan kepada anda;
 - e) menghantar kepada anda butir-butir produk, perkhidmatan, tawaran istimewa dan ganjaran yang dihantar kepada pelanggan-pelanggan mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL dan/atau mana-mana aset CL, dan/atau

- menghantar kepada anda butir-butir produk dan perkhidmatan tertentu yang mana mungkin menarik minat anda;
- f) menjalankan penyelidikan berkaitan dengan pengguna dan pasaran, memahami dan menentukan pilihan pelanggan dan demografi untuk mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL untuk mengkaji semula, membangunkan dan/atau memperbaiki produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan dan Aktiviti Komunikasi Pemasaran (termasuk tawaran-tawaran istimewa dan/atau program-program pemasaran); dan
 - g) memaklumkan anda melalui pos, emel, SMS, faks, panggilan suara dan semua cara komunikasi lain (termasuk melalui semua dan mana-mana nombor telefon Singapura/Malaysia anda di mana entiti-entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL mungkin mempunyai dalam rekodnya dari semasa ke semasa) tentang dan/atau berkaitan dengan Aktiviti Komunikasi Pemasaran.
4. Walaupun kami akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mencatat Data Peribadi anda dengan tepat, kami menghendaki anda memberikan Data Peribadi yang tepat dan lengkap, dan mengemaskini Data Peribadi tersebut dengan kami dari semasa ke semasa. Data Peribadi anda boleh dipindahkan ke suatu tempat di luar negara di mana anda memberikan data peribadi tersebut terlebih dahulu.
5. Sekiranya anda ingin untuk menarik balik persetujuan anda terhadap sebarang penggunaan Data Peribadi anda seperti yang dinyatakan di sini, atau sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan yang berkaitan dengan Data Peribadi anda, atau sekiranya anda ingin mendapatkan akses dan membuat pembetulan terhadap rekod Data Peribadi anda, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data yang dilantik oleh kami yang berikut:
- Singapura** - cmadpo@capitaland.com
Malaysia - cmamydpo@capitaland.com
6. Anda mengakui bahawa sekiranya anda memilih untuk menarik balik persetujuan anda untuk pengumpulan, penggunaan, penzahiran dan/atau pemprosesan Data Peribadi anda untuk Tujuan-tujuan CapitaStar, kami mungkin tidak dapat terus membekalkan anda dengan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan di bawah Program Ganjaran CapitaStar atau sebaliknya menguruskan Akaun anda. Dalam situasi sedemikian, kami berhak untuk menamatkan Keahlian anda. Hak tersebut adalah tanpa prejudis terhadap hak-hak dan remedi-remedi kami terhadap anda berkenaan dengan sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penamatan tersebut.
7. Anda bersetuju bahawa persetujuan anda yang diberikan di sini tidak akan menggantikan sebarang persetujuan yang lain di mana anda mungkin telah diberi sebelum ini kepada mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL berkenaan dengan Data Peribadi anda, dan adalah tambahan kepada mana-mana hak di mana entiti-entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL mungkin dapati di sisi undang-undang, untuk mengumpulkan, menggunakan, menzahirkan dan/atau memproses Data Peribadi

anda. Anda juga bersetuju bahawa sebarang penarikan balik persetujuan anda mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat ini tidak akan menjejaskan apa-apa persetujuan lain di mana anda mungkin telah beri kepada mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL berkenaan dengan Data Peribadi anda dan/atau penggunaan nombor(-nombor) telefon Singapura dan Malaysia anda untuk menerima maklumat pemasaran atau promosi atau iklan atau mesej-mesej lain.

8. Kami boleh mengikut budi bicara mutlak kami dari semasa ke semasa berkongsi maklumat yang dikumpulkan dan tidak boleh dikenal pasti secara peribadi, dengan pihak ketiga, seperti pengiklan-pengiklan, rakan-rakan pemasaran kami dan/atau rakan-rakan kongsi perniagaan kami, untuk kegunaan dalam pemasaran, promosi atau aktiviti-aktiviti lain.

10. PENGECUALIAN LIABILITI

1. Walaupun apa terma-terma atau syarat-syarat lain dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, kami tidak akan bertanggungjawab terhadap anda untuk apa-apa kerugian, kerosakan, kesulitan, penderitaan moral, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa sifat (termasuk, tanpa terhad kepada sebarang tindakan, tidak melakukan perbuatan yang wajib, pengabaian atau keingkaran secara sengaja oleh pihak ejen, kontraktor, koresponden kami dan/atau pegawai dan pekerja masing-masing) yang dalam apa-apa cara boleh ditanggung atau disebabkan oleh anda atau oleh mana-mana orang lain tentang atau berkaitan dengan Program Ganjaran CapitaStar, termasuk tanpa terhad kepada, Akaun, Keahlian, STAR\$[®], perkhidmatan StarPay (hanya terdapat di Singapura), Ganjaran atau Penebusan dan/atau berhubung dengan pengumpulan, penggunaan, penzahiran dan/atau pemprosesan Data Peribadi anda menurut Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Anda akan membebaskan dan melepaskan kami dari kesemua tuntutan berhubung dengan kerugian, kerosakan, kesulitan, malu, kos dan/atau perbelanjaan yang dinyatakan terdahulu.
2. Tanpa menjejaskan keluasan yang dinyatakan di atas dan setakat tahap maksimum yang dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, kami juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan atau kerugian secara langsung, berkaitan atau akibat yang ditanggung oleh anda yang mungkin hasil daripada pengumpulan, penggunaan, penzahiran dan/atau pemprosesan Data Peribadi anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kerugian, atau ketidakmampuan untuk mendapatkan semula, apa-apa Data Peribadi, walau macam mana pun disebabkan, atau ketidaktepatan dalam Data Peribadi yang dikemukakan, digunakan atau dihantarkan.

11. AM

1. Anda hendaklah menanggung kerugian kami dan melindungi kami daripada sebarang kerugian, kerosakan, kos liabiliti dan perbelanjaan (termasuk kos guaman dan perbelanjaan secara suatu asas tanggung rugi penuh), secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyalahgunaan Keahlian anda dan/atau pelanggaran mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat ini, termasuk tanpa terhad, sekiranya anda melakukan sebarang penipuan atau salah nyata sebarang maklumat yang dibekalkan atau yang akan dibekalkan di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
2. Kami boleh meminda Terma-terma dan Syarat-syarat ini dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami tanpa memberi notis kepada anda.
3. Setiap Terma-terma dan Syarat-syarat ini boleh dipisahkan dan dibezakan antara satu sama lain dan sekiranya pada bila-bila masa, mana-mana satu atau lebih Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau mana-mana bahagiannya adalah atau menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, kesahihan, kesahan, atau kebolehuatkuasaan peruntukan yang selebihnya tidak akan terjejas atau menjadi lemah dalam apa cara sekalipun.
4. Anda bersetuju untuk terikat dengan Terma-terma dan Syarat-syarat ini dan kesemua terma dan syarat lain yang mengawal penggunaan kemudahan-kemudahan, faedah-faedah atau perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan Keahlian anda, sebagaimana yang mungkin dipinda atau diubah dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang konflik di antara Terma-terma dan Syarat-syarat tersebut dan mana-mana terma dan syarat lain, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai dan terma-terma dan syarat-syarat yang lain akan dianggap telah diubah suai tetapi hanya kepada terma-terma dan syarat-syarat yang perlu untuk memberi kesan peruntukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Melainkan yang dinyatakan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, tiada apa-apa dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan menjejaskan kesahan dan kebolehuatkuasaan hak-hak atau remedi-remedi kami di bawah mana-mana terma dan syarat lain yang akan terus digunakan.
5. Hak-hak dan remedi-remedi yang dinyatakan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif terhadap sebarang hak atau remedi yang lain (sama ada yang dinyatakan oleh undang-undang atau sebaliknya).
6. Tiada kegagalan pada pihak kami untuk menjalankan dan tiada penangguhan oleh kami dalam melaksanakan apa-apa hak atau remedi di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan beroperasi sebagai penepian hak atau remedi tersebut, ataupun mana-mana suatu atau sebahagian pelaksanaan sebarang hak atau remedi tidak akan menghalang pelaksanaan yang lain atau selanjutnya bagi sebarang hak atau remedi tersebut atau pelaksanaan sebarang hak atau remedi yang lain. Sebarang penepian oleh kami mengenai hak-hak atau remedi-remedi kami berhubung dengan mana-mana terma di

bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau apa-apa pelanggaran Terma-terma dan Syarat-syarat ini oleh pihak anda mestilah secara bertulis dan boleh tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang kami anggap sesuai dan adalah berkesan hanya dalam masa itu dan untuk tujuan yang diberikannya.

7. Terma-terma dan Syarat-syarat ini dikawal oleh dan hendaklah ditafsirkan selaras dengan undang-undang Republik Singapura. Anda dengan ini secara muktamad menuruti bidang kuasa mahkamah Republik Singapura. Untuk mengelakkan keraguan, undang-undang perlindungan data yang berkenaan akan diguna pakai untuk memproses Data Peribadi anda.
8. Terma-terma dan Syarat-syarat dalam bahasa-bahasa selain daripada Bahasa Inggeris tidak akan menjadi terjemahan rasmi Terma-terma dan Syarat-syarat versi Bahasa Inggeris ini. Dalam kes di mana terdapat sebarang perbezaan antara versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris, versi bahasa Inggeris akan diguna pakai. Kami dan semua entiti lain yang terkandung dalam Kumpulan CL tidak akan menerima sebarang tanggungjawab atau liabiliti bagi apa-apa kesilapan, ketidaktepatan dan/atau salah faham berkenaan dengan versi bukan Bahasa Inggeris.
9. Untuk mengelakkan keraguan, Terma-terma dan Syarat-syarat ini hanya berkaitan dengan Program Ganjaran CapitaStar. Walaupun Platform CapitaLand yang mengambil bahagian boleh diakses melalui Program Aplikasi Mudah Alih, penggunaan dan akses anda kepada mana-mana platform sedemikian akan dikawal oleh terma-terma dan syarat-syarat yang berasingan, yang terdapat di laman web platform tersebut, dimana anda mesti baca dengan teliti sebelum penggunaan dan akses tersebut.

12. DEFINISI-DEFINISI DAN INTERPRETASI

1. Dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, definisi terma-terma adalah dinyatakan di bawah, melainkan sekiranya konteksnya menghendaki makna yang lain:
 - "Akaun" ertinya akaun anda yang diselenggara oleh kami yang menyatakan jumlah STAR\$[®] yang dikumpul oleh anda;
 - "Anugerah" ertinya anugerah STAR\$[®] kepada anda;
 - "STAR\$[®]" ertinya STAR\$[®] (mata) yang diberikan di bawah Program Ganjaran CapitaStar;
 - "Program Ganjaran CapitaStar" ertinya Program Ganjaran CapitaStar yang diuruskan oleh kami;
 - "Kumpulan CL" ertinya CapitaLand, syarikat subsidiari, bersekutu, syarikat usaha sama dan perbadanan yang berkenaan dan semua amanah yang ditaja, dimiliki dan/atau diurus oleh mana-mana entiti yang disebutkan di atas;
 - "Aset CL" ertinya sebarang harta tanah dalam mana-mana negara yang dibangunkan, dikendalikan, diurus dan/atau dimiliki oleh mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL;

- "Aktiviti Komunikasi Pemasaran" ertinya aktiviti-aktiviti pemasaran, promosi dan komunikasi mengenai produk-produk, perkhidmatan-perkhidmatan, tawaran-tawaran, promosi-promosi, aktiviti-aktiviti dan/atau acara-acara yang dipasarkan, dipromosikan, diiklankan dan/atau disediakan oleh mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL dan/atau rakan-rakan kongsi perniagaannya, termasuk berhubung dengan (i) Program Ganjaran CapitaStar; (ii) mana-mana entiti yang terkandung dalam Kumpulan CL; dan/atau (iii) sebarang aset CL;
- "Ahli" ertinya seorang ahli kepada dan peserta dalam Program Ganjaran CapitaStar;
- "Keahlian" ertinya keahlian kepada dan penyertaan dalam Program Ganjaran CapitaStar;
- "Platform-platform CapitaLand yang mengambil bahagian" ertinya portal-portal membeli-belah dalam talian (*online marketplace*) yang dihoskan oleh ahli-ahli kumpulan CL yang membolehkan peruncit-peruncit menjual produk-produk kepada pelawat-pelawat dan yang menyertai Program Ganjaran CapitaStar. Senarai platform tersebut akan dikemas kini dari semasa ke semasa di Laman Web Program;
- "Pusat-pusat Membeli-belah yang Mengambil Bahagian" ertinya pusat membeli-belah yang mengambil bahagian dalam Program Ganjaran CapitaStar seperti yang ditentukan oleh kami dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak kami, di mana pembelian anda layak untuk Anugerah, senarai itu akan dikemas kini dari semasa ke semasa di Laman Web Program;
- "Data Peribadi" ertinya data, sama ada benar atau tidak, mengenai seorang individu yang boleh dikenal pasti daripada data itu atau daripada data dan maklumat lain yang kami ada atau mungkin mempunyai akses;
- "Hadiah" ertinya hadiah dalam cabutan-cabutan bertuah atau pertandingan-pertandingan yang dianjurkan di bawah Program Ganjaran CapitaStar;
- "Program Aplikasi Mudah Alih" ertinya aplikasi(-aplikasi) mudah alih atau bahagiannya yang dibuat berhubung dengan Program Ganjaran CapitaStar, sebagaimana yang boleh diubah dari semasa ke semasa;
- "Program Promosi" ertinya promosi-promosi, peraduan-peraduan, pertandingan-pertandingan, cabutan-cabutan bertuah, permainan-permainan, acara-acara dan/atau aktiviti-aktiviti untuk atau berkaitan dengan Ahli, pengambilan Ahli dan/atau sebaliknya yang melibatkan hadiah, anugerah atau penebusan STAR\$[®], di mana dikendalikan dari semasa ke semasa oleh kami, mana-mana entiti lain yang terkandung dalam Kumpulan CL, ejen-ejen kami, rakan-rakan pemasaran kami, rakan-rakan kongsi perniagaan kami dan/atau pembekal-pembekal perkhidmatan kami yang diberi kuasa;
- "Laman Web Program" ertinya laman(-laman) web atau bahagiannya yang dibuat berhubung dengan Program Ganjaran CapitaStar, seperti yang boleh diubah dari semasa ke semasa;
- "Promosi" ertinya promosi-promosi, peraduan-peraduan, pertandingan-pertandingan, cabutan-cabutan bertuah, permainan-permainan, acara-acara dan/atau aktiviti-aktiviti;

- "Peruncit-peruncit yang Layak" ertinya peruncit-peruncit di Pusat-pusat Membeli-belah yang Mengambil Bahagian yang tidak dikecualikan daripada Program Ganjaran CapitaStar, seperti yang ditentukan oleh kami mengikut budi bicara mutlak kami dan dimaklumkan di Laman Web Program dari semasa ke semasa;
 - "Resit" ertinya resit(-resit) pembelian;
 - "Penebusan" ertinya penebusan STAR\$[®] oleh anda untuk Ganjaran dan/atau Hadiah;
 - "Ganjaran" ertinya barangan-barangan dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh ditebus oleh anda sebagai pertukaran untuk STAR\$[®] anda;
 - "StarPay" ertinya perkhidmatan StarPay yang dibekalkan sebagai sebahagian daripada Program Ganjaran CapitaStar yang memudahkan pendaftaran kad-kad kredit atau debit untuk digunakan dengan peruncit-peruncit yang mengambil bahagian;
 - "Terma-terma dan Syarat-syarat" ertinya terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal Keahlian anda seperti yang dipinda atau ditambah oleh kami dari semasa ke semasa;
 - "Transaksi" ertinya sebarang transaksi (termasuk perjanjian-perjanjian yang berkaitan dengannya) yang dimasuki antara suatu Peruncit yang Layak di suatu Platform dan anda berkenaan dengan suatu produk yang dijual di atau melalui suatu Platform dan dihantar ke suatu alamat di Singapura;
 - "Kami" merujuk kepada CapitaStar Pte. Ltd. atau entiti Kumpulan CL lain yang mungkin menguruskan Program Ganjaran CapitaStar dari semasa ke semasa; dan
 - "Anda" merujuk kepada orang yang telah mendaftar untuk Program Ganjaran CapitaStar.
2. Melainkan sekiranya konteksnya menghendaki makna yang lain, perkataan-perkataan yang merupakan kata tunggal juga hendaklah termasuk kata jamak dan sebaliknya. Perkataan-perkataan yang menggambarkan jantina maskulin termasuk jantina feminin dan kedua-duanya hendaklah termasuk jantina neuter.
 3. Tajuk dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah dimasukkan untuk kemudahan rujukan sahaja dan tidak akan menjejaskan pembentukan Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

(Versi terkini boleh didapati di <https://www.capitastar.com/international/en/policy-and-terms/capitastar-policy-and-terms.html>)